

AKTA KESALAHAN KESELAMATAN (LANGKAH-LANGKAH KHAS) 2012 (AKTA 747)

Faridah Jalil

faridah@ukm.edu.my

Mohd. Munzil Muhamad

mohdmunzil@ukm.edu.my

Fakulti Undang-undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

PENDAHULUAN

Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (Akta 747) (selepas ini disebut Akta 747) telah diberikan perkenan diraja pada 18 Jun 2012 dan diwartakan pada 22 Jun 2012. Akta ini menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 atau lebih dikenali sebagai ISA (selepas ini disebut ISA) yang dimansuhkan berikutan perisytiharan Perdana Menteri Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak bahawa perundangan baharu akan digubal menggantikan ISA yang sering kali menjadi sasaran kritikan masyarakat tempatan mahupun antarabangsa kerana pelanggaran dan penafian terhadap kebebasan asasi manusia yang serius (SUHAKAM, 2003). Tujuan akta ini digubal adalah untuk menangani kes subversif, keganasan terancang dan perbuatan jenayah yang memudaratkan keselamatan awam dan penggubalannya adalah berdasarkan perkara 149 perlembagaan (selepas ini disebut perlembagaan). Oleh sebab itu, pada permulaan akta dinyatakan tujuan akta digubal bagi menangani kes:

1. Menyebabkan keganasan terancang terhadap orang atau harta atau menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan keganasan itu; atau
2. Membangkitkan perasaan tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong; atau
3. Memudaratkan ketenteraman awam dalam persekutuan atau mana-mana bahagiannya, atau yang memudaratkan keselamatannya; atau
4. Mendapatkan perubahan, selain dengan cara yang sah apa-apa juga yang ditetapkan melalui undang-undang.

Pernyataan ini membolehkan Akta 747 mengandungi peruntukan yang bercanggah dengan perkara 5, 9, 10 atau 13 perlembagaan atau di luar bidang kuasa penggubalan undang-undang parlimen atau perkara 79 perlembagaan. Akta ini merupakan undang-undang yang memperuntukkan tatacara perbicaraan bagi kes keselamatan dan bukannya kesalahan kerana kesalahan yang melibatkan ancaman keselamatan dinyatakan di bawah Kanun Kesenakan (Contohnya, kes *Public Prosecutor lwn Yazid bin Sufaat & Ors* [2015] 576).

Akta ini didakwa tidak melanggar kebebasan asasi manusia dan cuba untuk mengimbangkan antara keselamatan awam dengan hak individu kesan pengalaman buruk yang dilalui ketika ISA berkuat kuasa. Makalah ini akan membincangkan ruang lingkup akta dan keserasiannya dengan peruntukan perlembagaan yang berkaitan dengan perlindungan terhadap kebebasan diri, peluang perbicaraan yang adil, serta kawalan kuasa eksekutif.

RUANG LINGKUP AKTA 747

Kebimbangan terbesar terhadap pemakaian akta ini berbangkit daripada dakwaan bahawa berlakunya penyalahgunaan untuk menahan individu kerana kepercayaan dan kegiatan politiknya. Bagi menangkis dakwaan tersebut, akta ini secara jelas menyebut bahawa seksyen 2 hanya terpakai untuk kesalahan keselamatan sahaja. Fasal 3, seksyen 4 pula menetapkan bahawa tiada seorang pun boleh ditangkap semata-mata kerana kepercayaan politik atau kegiatan politiknya. Frasa “kepercayaan politik atau kegiatan politiknya” yang dinyatakan dalam seksyen 4(12) bermaksud pelibatan dalam aktiviti yang sah di sisi undang-undang melalui:

1. Pernyataan pendapat atau pengambilan tindakan yang dibuat menurut rukun sesuatu parti politik pada masa yang berkaitan itu berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] yang terbukti melalui—
 - (a) keanggotaan atau sumbangan kepada parti itu; atau
 - (b) penyertaan terbuka dan aktif dalam hal ehwal parti itu;
2. Pernyataan pendapat yang ditujukan terhadap mana-mana kerajaan dalam persekutuan; atau
3. Pengambilan tindakan yang ditujukan terhadap mana-mana kerajaan dalam persekutuan.

Frasa tersebut boleh mengelakkan penahanan yang bertujuan politik seperti yang berlaku ketika ISA berkuat kuasa dan digambarkan oleh kes Mohamad Ezam (*Mohamad Ezam bin Mohd. Noor lwn Ketua Polis Negara & Other Appeals*, 2002). Berdasarkan kes tersebut, jika penahanan dibuat untuk tujuan menyiasat kegiatan politik Mohamad Ezam dan bukan kegiatan yang mengancam keselamatan negara, penahanan tersebut salah di sisi undang-undang. Akta 747 menganunkan prinsip yang lahir daripada kes Mohamad Ezam.

Akta 747 memfokuskan kesalahan keselamatan yang dinyatakan dalam seksyen 2, jadual pertama, iaitu kesalahan dalam Kanun Keseksaan (Akta 574) Bab VI yang melibatkan kesalahan terhadap negara dan Bab VI (A) tentang kesalahan yang berkaitan dengan fahaman keganasan (terorisme). Kesalahan yang disebutkan dalam Bab VI ada antaranya yang bersifat subjektif. Misalnya, kesalahan yang menggugat demokrasi berparlimen, mencetuskan keganasan dan pelanggaran undang-undang secara ganas, kegiatan yang menimbulkan kegusaran awam, sabotaj dan pengintipan (*espionage*). Bab VI pula menyebutkan 12 jenis kesalahan (seksyen 130C–130M) yang melibatkan pencegahan kegiatan yang berkaitan dengan fahaman keganasan dan kegiatan sampingan yang menyokong fahaman keganasan dan kumpulan fahaman keganasan, termasuk menjadi ahli kumpulan pengganas (seksyen 130KA). Selain itu, terdapat tujuh kesalahan yang bertujuan menghalang sokongan kewangan dan harta terhadap kegiatan keganasan.

Walaupun Akta 747 mempunyai skop yang luas, namun skop pemakaiannya telah dicabar dalam kes *Public Prosecutor lwn Yazid bin Sufaat & Ors* [2005] 576. Perayu berhujah dan mengatakan bahawa kesalahan tertuduh berlaku di Syria. Oleh itu, Akta 747 tidak terpakai kerana undang-undang tersebut hanya mencakupi ancaman yang berlaku di Malaysia sahaja. Walau bagaimanapun, mahkamah mendapati bahawa perbuatan yang berkaitan dengan fahaman keganasan merupakan kesalahan yang bersifat rentas negara tanpa batas sempadan. Tambahan pula, undang-undang ini bertujuan menghindari Malaysia daripada dijadikan pusat kegiatan fahaman keganasan. Oleh itu, walaupun ancaman tersebut berlaku terhadap Syria, namun Malaysia dijadikan tempat untuk merancang aktiviti tersebut. Jika dilihat pada perkara 149 (1), undang-undang yang digubal boleh meliputi tindakan yang “telah diambil atau diancam oleh mana-mana kumpulan besar orang sama ada dalam atau luar persekutuan”. Oleh itu, Akta 747 merupakan akta yang luas cakupannya pada peringkat negara mahupun antarabangsa. Selain itu, empat tujuan yang dinyatakan pada bahagian pendahuluan Akta

747 membolehkan pelbagai bentuk tindakan dirangkumkan dalam akta ini, selain Kanun Jenayah dan Akta Hasutan 1948.

KUASA EKSEKUTIF UNTUK MEMBUAT PERINTAH TAHANAN

Kuasa Tangkapan dan Tahanan Polis

Pihak polis mempunyai kuasa untuk membuat tangkapan dan tahanan tanpa waran seperti yang disebut oleh seksyen 4(1) terhadap “mana-mana orang yang berkenaan dengannya dia mempunyai sebab untuk mempercayai terlibat dengan kesalahan keselamatan”. Frasa “mempunyai sebab untuk mempercayai” menimbulkan kebimbangan kerana memberikan budi bicara yang luas kepada polis untuk membuat tangkapan dan tahanan. Kebimbangan tersebut boleh diatasi jika perbandingan dibuat antara seksyen 4(1) Akta 747 dengan seksyen 73(1) Akta Keselamatan dalam Negeri 1960 (ISA). Seksyen 4(1) merupakan akta yang telah dipinda daripada seksyen 73 ISA. Oleh itu, prinsip yang pernah dilahirkan oleh seksyen 73(1) ISA mungkin mempengaruhi pentafsiran seksyen 4(1) Akta 747. Berdasarkan kes Mohamad Ezam, kuasa budi bicara pihak polis untuk membuat tahanan boleh diperiksa oleh mahkamah untuk menentukan sama ada keputusan badan eksekutif dibuat berdasarkan pertimbangan keselamatan negara. Mahkamah berhak menyiasat atas alasan bahawa pihak berkuasa yang menahan untuk menentukan orang tahanan telah bertindak atau berniat bertindak atau mungkin bertindak dalam cara yang memudaratkan keselamatan Malaysia (*Mohamad Ezam bin Mohd. Noor lwn Ketua Polis Negara & Other Appeals* [2002] 480, 508). Oleh itu, diharapkan mahkamah akan kekal menggunakan ujian objektif dan kuasa membuat perintah tahanan boleh diperiksa oleh mahkamah. Dalam kes ini, mahkamah melihat sejauh manakah benar soalan yang dikemukakan oleh polis semasa siasatan yang bertujuan menyiasat perlakuan yang menggugat keselamatan negara.

Tempoh Tahanan

Tempoh tahanan bagi tujuan siasatan yang boleh dibuat oleh pihak polis ialah 24 jam (seksyen 4(4)), tetapi lanjutan masa tahanan bagi tujuan siasatan boleh dibuat oleh pegawai polis berpangkat superintenden atau lebih atas sehingga 28 hari. Kawalan yang dikenakan terhadap peruntukan ini disebutkan dalam seksyen 4(11) yang menghendaki peruntukan ini disemak setiap

lima tahun dan akan terhenti berkuat kuasa melainkan kedua-dua Dewan Parlimen melanjutkan masa kuat kuasa peruntukan tersebut (seksyen 4(11)). Kawalan yang dikenakan bersifat positif dan amat dialu-alukan (Wood, 2014). Parlimen diharapkan mampu menjalankan peranan dengan efektif untuk memastikan semakan dibuat dengan telus dan bertanggungjawab.

Jika pihak polis mendapati tahanan lanjut tidak diperlukan, orang tahanan tersebut boleh dilepaskan dan alat peranti pengawasan elektronik boleh dipasang untuk tujuan penyiasatan. Terdapat prosedur yang perlu diikuti sebelum alat ini dipasang. Langkah pertama, pihak polis perlu mengemukakan laporan kepada pendakwa raya dan permohonan akan dibuat oleh pendakwa raya di mahkamah. Tempoh pemasangan akan ditentukan oleh mahkamah tetapi kadar yang dibenarkan untuk baki tempoh penahanan adalah untuk tujuan penyiasatan sahaja. Mahkamah juga akan memaklumkan cara pengendalian peranti alat elektronik, serta terma dan syarat kepada orang yang ditahan berserta satu borang yang ditandatangani oleh orang tahanan yang didepositkan kepada mahkamah. Alat tersebut hendaklah dipasang oleh pihak polis. Orang yang ditahan juga hendaklah mematuhi terma dan syarat peranti pengawasan elektronik dan melaporkan diri di balai polis berdekatan seperti yang ditetapkan dalam borang. Kegagalan mematuhi arahan ini merupakan satu kesalahan dan jika disabitkan boleh dihukum penjara untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun. Jika alat peranti pengawasan elektronik diganggu atau dirosakkan, hukuman yang akan dikenakan jika disabitkan kesalahan ialah penjara tidak melebihi tiga tahun dan boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar kerosakan terhadap alat tersebut akibat perbuatan yang dilakukan. Alat ini hanya boleh dibuka oleh pegawai polis di tempat orang tahanan melaporkan diri setelah tamat tempoh pemasangan alat tersebut, meskipun peruntukan ini ternyata telah melanggar hak privasi dan kebebasan bergerak individu seperti yang termaktub dalam perkara 9 perlembagaan.

Hak privasi individu juga boleh diganggu oleh kuasa memintas komunikasi yang diberikan kepada pendakwa raya sekiranya “terdapat sesuatu yang berkemungkinan mengandungi apa-apa maklumat yang terjumlah kepada perlakuan sesuatu kesalahan keselamatan” yang terkandung dalam seksyen 6 Akta 747. Pemintasan komunikasi akan dilakukan oleh pegawai polis secara memintas, menahan dan membuka apa-apa barang pos semasa penghantaran melalui pos, memintas apa-apa mesej yang dihantar atau diterima oleh mana-mana komunikasi atau memintas atau mendengar apa-apa perbualan telefon melalui mana-mana komunikasi. Berdasarkan

kes *Public Prosecutor lwn Hassan bin Hj Ali Basri* [2014] kebenaran untuk memintas komunikasi perlu diperoleh oleh polis daripada pendakwa raya. Namun, tugas tersebut boleh dilaksanakan dengan bantuan pakar. Selain memberikan kebenaran kepada pegawai polis, pendakwa raya juga boleh menghendaki pemberi maklumat untuk memintas dan menyimpan maklumat yang diterima dan dihantar, atau yang akan diterima dan dihantar oleh pemberi maklumat atau membenarkan pegawai polis memasuki mana-mana premis untuk memasang apa-apa peranti untuk tujuan pemintasan dan penyimpanan komunikasi tertentu bagi memindahkan atau menyimpan sesuatu keterangan.

Pegawai polis yang boleh melakukan pemintasan hendaklah berpangkat tidak rendah daripada penguasa polis dan hendaklah mendapat kebenaran pendakwa raya. Hal ini hanya boleh dilakukan dalam keadaan terdesak yang memerlukan tindakan segera dan tidak mempunyai masa untuk berfikir panjang. Walau bagaimanapun, tindakan penguasa polis tertakluk pada kawalan pendakwa raya. Setelah tindakan dibuat, penguasa polis hendaklah memaklumkan kepada pendakwa raya tindakannya dan pemakluman tersebut dianggap sebagai telah bertindak di bawah kebenaran pendakwa raya. Persoalannya bolehkah pihak polis dan pendakwa raya dipertanggungjawabkan jika tindakan tersebut silap dan bolehkah tuntutan mahkamah dibuat? Fasal (5) seksyen 6 menggambarkan bahawa mahkamah berkemungkinan tidak berupaya untuk memeriksa kebenaran pendakwa raya.

Perlindungan

Meskipun Akta 747 mengandungi prinsip keadilan asasi, iaitu hak untuk didengar dan diwakili oleh peguam, namun kebenaran yang dinyatakan dalam akta ini bercanggah dengan perkara 5 dan 9 perlembagaan, serta seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593). Hak yang diberikan kepada orang tahanan ialah:

1. Dimaklumkan dengan seberapa segera yang boleh tentang alasan tangkapan oleh pegawai polis yang membuat tangkapan;
2. Pegawai polis yang membuat siasatan hendaklah memaklumkan kepada waris kadim orang tahanan tentang tangkapan dan penahanan; dan
3. Orang tahanan hendaklah dibenarkan berunding dengan pengamal undang-undang pilihannya.

Hak ini hanya boleh dilengahkan atas sebab yang dibolehkan, iaitu (i)

pihak polis secara munasabah percaya hak ini boleh mengganggu keterangan yang berkaitan dengan kesalahan keselamatan; (ii) menyebabkan kecederaan kepada orang lain; (iii) menyebabkan amaran diberikan kepada orang lain yang melakukan kesalahan tetapi belum ditangkap; dan (iv) menghalang harta yang diperoleh daripada kesalahan. Sekatan yang dikenakan sah walaupun bercanggah dengan perkara 5 perlembagaan. Walaupun pihak polis mempunyai kuasa menghalang pelaksanaan hak yang diberikan, kuasa tersebut hendaklah digunakan secara munasabah dengan tujuan yang ditetapkan oleh peruntukan undang-undang (SUHAKAM, 2003b).

Hak yang diberikan oleh Akta 747 kepada orang tahanan juga diperuntukkan oleh perkara 151(1)(a) perlembagaan. Oleh itu, penafian secara tidak wajar hendaklah dielakkan. Tidak terangkum dalam perkara 151(1)(a) hak pemakluman tentang waris kadim tentang tangkapan dan penahanan yang merupakan tambahan dan tidak terdapat dalam peruntukan tersebut. Namun, berdasarkan masalah yang timbul di bawah tahanan ISA, hak pemakluman kepada waris kadim dikanunkan dalam Akta 747 (SUHAKAM, 2003b:22). Hak yang diberikan oleh Akta 747 perlu dihormati dan hanya boleh diketepikan dalam keadaan yang benar-benar serius.

Hak Perbicaraan yang Adil

Perbicaraan yang adil merupakan tunjang kepada sistem keadilan jenayah yang bertujuan menjaga kepentingan tertuduh dan memastikan sabitan dibuat dengan betul. Secara umumnya, ciri perbicaraan yang adil meliputi perkara seperti perbicaraan dijalankan secara terbuka, hak diwakili peguam berserta peluang menyoal balas saksi pendakwa, dan menyanggah keterangan tentang kesalahan yang dituduh terhadap dirinya. Hak perbicaraan yang adil juga dilindungi oleh International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR) dan dinyatakan dalam perkara 14 ICCPR. Hak tersebut meliputi hak dibicarakan di hadapan tribunal yang ditubuhkan melalui undang-undang secara adil dan tribunal tersebut hendaklah kompeten, bebas dan saksama. Walau bagaimanapun, hak ini boleh diketepikan atas alasan moral, ketenteraman awam atau keselamatan negara, atau apabila keselamatan individu menghendakinya dijalankan secara tertutup, atau untuk melindungi kepentingan keadilan. Penghakiman kes jenayah juga hendaklah dimaklumkan kepada awam melainkan atas kepentingan juvana atau prosiding tentang pertikaian matrimoni atau penjagaan anak.

Ciri perbicaraan yang adil, lazimnya tidak tegar dan boleh berubah atau dikecualikan menurut keperluan. Namun, pada bulan September 2014, Majlis

Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu secara muafakat menerima pakai Resolusi 2087 (2014) yang menghendaki setiap negara apabila mengambil langkah menangani keganasan hendaklah mematuhi tugas menurut undang-undang antarabangsa, terutama yang melibatkan undang-undang hak asasi antarabangsa, undang-undang pelarian antarabangsa, serta undang-undang kemanusiaan antarabangsa. Hak tersebut hendaklah diselaraskan dengan tindakan menangani keganasan. Kegagalan untuk menghormati hak asasi, kedaulatan undang-undang dan kebebasan diri akan menggalakkan berlakunya tindakan radikal (United Nation Security Council Resolution 2178 [2014]). Dalam konteks undang-undang antarabangsa, pelanggaran hak asasi yang merangkumi perbicaraan yang adil dikawal ketat. Proses perbicaraan yang ditetapkan dalam Akta 747 membenarkan percanggahan dengan undang-undang asas perbicaraan jenayah seperti Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Keterangan bahawa perbicaraan terbuka boleh diketepikan bagi melindungi pemberi maklumat atau kepentingan awam.

Perbicaraan Kes Keselamatan

Perbicaraan kes keselamatan akan dijalankan di mahkamah tinggi dan jaminan tidak boleh diberikan terhadap mereka yang dituduh di bawah kesalahan keselamatan, kecuali bagi yang berumur bawah 18 tahun, seorang perempuan, seorang yang uzur atau seorang yang sakit. Jika jaminan diberikan kepada empat kategori ini, pendakwa raya boleh memohon supaya alat peranti pengawasan elektronik dipasang.

Perbicaraan yang dijalankan di bawah akta ini pada takat tertentu terkecuali daripada kaedah perbicaraan di bawah Kanun Tatacara Jenayah atas dasar menjaga kepentingan keselamatan. Akta membenarkan identiti saksi dilindungi jika saksi pendakwaan enggan identitinya didedahkan dan mahu memberikan keterangan tanpa dilihat atau didengar oleh pesalah atau peguam pesalah untuk membuat permohonan melalui pendakwa raya secara lisan supaya dibenarkan berbuat demikian (seksyen 14(1)). Namun, sebelum permohonan ini dibenarkan, mahkamah perlu terlebih dahulu berpuas hati tentang keperluan melindungi identiti saksi dengan mengadakan siasatan secara tertutup dengan menyoal saksi yang memohon dan saksi lain tanpa kehadiran tertuduh dan peguamnya (seksyen 14(2)). Hanya selepas mahkamah berpuas hati tentang keperluan melindungi saksi, kebenaran akan diberikan supaya saksi memberikan keterangan tanpa kehadiran tertuduh dan peguam tertuduh. Pada masa yang sama, jika terdapat kebimbangan suara boleh dicam, mahkamah boleh mengarahkan keterangan diberikan

tanpa didengar oleh tertuduh dan peguamnya. Bagi tujuan perlindungan saksi, mahkamah boleh melarang pertanyaan yang dikemukakan berkaitan dengan nama, alamat, umur, pekerjaan, ras, serta maklumat lain yang pada pandangan mahkamah boleh menyebabkan saksi dicam.

Jika berlaku keperluan untuk seorang saksi yang dilindungi membuat pengecaman tentang tertuduh atau orang lain, pengecaman boleh dibuat melalui jurubahasa atau pegawai mahkamah lain (seksyen 15). Dalam usaha untuk melindungi identiti saksi, akta menjadikannya sebagai satu kesalahan jika laporan tentang saksi memuatkan nama, alamat, gambar saksi, orang lain, tempat atau benda yang boleh menyebabkan saksi dicam, serta keterangan atau apa-apa benda lain yang boleh menyebabkan saksi yang dilindungi dicam. Peruntukan ini telah dipatuhi oleh mahkamah dengan tegas dan perhatian telah diberikan untuk memastikan identiti saksi tidak dapat dikenal pasti. Antaranya saksi yang dilindungi dan diletakkan di dalam bilik terlindung, dan bilik tersebut dihubungkan ke mahkamah terbuka melalui sistem video dan audio. Hanya hakim sahaja yang dapat melihat saksi yang dilindungi melalui video, sementara pendakwa dan jurubahasa hanya akan mendengar suara saksi sahaja. Soalan kepada saksi disampaikan kepada saksi melalui jurubahasa melalui sistem audio. Begitu juga dengan jawapan yang diberikan oleh saksi (contohnya kes *Public Prosecutor lwn Hassan bin Hj. Ali Basri* [2014] 163).

Kesan peruntukan seksyen 14 dan seksyen 15 dalam akta ini telah membataskan hak perbicaraan yang dinikmati oleh pesalah biasa atas alasan keperluan untuk menjaga kepentingan awam dan keselamatan negara. Apabila keterangan saksi boleh dibuat secara *in camera* dan identiti saksi boleh dilindungi, pihak pembela sukar untuk mencabar kebolehpercayaan dan kredibiliti saksi pendakwaan dengan cara menyoal balas mereka. Hal ini berbeza daripada peruntukan Akta Keterangan 1950 seksyen 146. Dalam perbicaraan sistem adversarial, hak sesuatu pihak menyoal balas saksi yang dikemukakan oleh pihak lawan dianggap sebagai satu mekanisme yang paling ampuh untuk menentukan kebenaran sesuatu fakta yang dinyatakan oleh seseorang saksi (contohnya kes *Public Prosecutor lwn Wong Yee Sen & Ors* [1990] 1 *MLJ* 187, 189). Sekiranya peguam yang mewakili tertuduh tidak dibenarkan menyaksikan keterangan yang diberikan oleh saksi pendakwa, peguam tidak akan mampu menjalankan tugas pembelaan dengan mencabar kredibiliti saksi dengan sempurna.

Berdasarkan peruntukan seksyen 14 dan seksyen 15, pihak pembelaan hanya boleh menyediakan soalan balas kepada saksi pendakwaan berdasarkan

transkrip pemeriksaan utama saksi yang dicatat oleh hakim bicara. Pihak pembelaan juga tidak boleh menyoal balas saksi secara langsung dan soalan tersebut akan ditanya melalui hakim bicara. Perkara ini akan membataskan lagi peluang peguam bela untuk menanyakan soalan kepada saksi pendakwaan kerana pada kebiasaannya, soalan semasa sesi soal balas saksi tidak terlalu berstruktur. Soalan boleh berubah berdasarkan jawapan spontan yang diberikan oleh saksi. Adalah mustahil bagi hakim bicara yang menanyakan soalan bagi pihak pembelaan untuk mempertimbangkan perkara seperti ini kerana hakim bicara bukannya pihak yang bertanggungjawab terhadap kes pembelaan. Tanggungjawab beliau bertindak menghakimi dan membuat keputusan secara adil berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan pihak pembelaan. Oleh itu, kewujudan seksyen 14 dan seksyen 15 dalam akta ini bercanggah dengan prinsip perundangan yang perlu memastikan seseorang yang dituduh diberikan hak perbicaraan yang adil.

Keterangan yang Boleh Diterima Masuk Semasa Perbicaraan

Bahagian VII Akta 747 membincangkan secara khusus tentang keterangan yang boleh diterima pakai atau diterima masuk semasa perbicaraan kesalahan di bawah akta ini. Peruntukan seksyen 17 jelas menerangkan bahawa peruntukan di bawah Bahagian VII terpakai meskipun terdapat peruntukan yang bercanggah dengan peruntukan di bawah Akta Keterangan 1950. Sebagai contoh, seksyen 24 menjelaskan bahawa keterangan yang berkaitan dengan komunikasi yang telah dipintas seperti di bawah seksyen 6 boleh diterima masuk sebagai keterangan semasa perbicaraan. Seksyen tersebut juga menjelaskan pihak yang bertanggungjawab terhadap pemintasan maklumat tersebut tidak perlu menjelaskan prosedur dan kaedah yang telah digunakan semasa pemintasan maklumat dilakukan. Dengan kewujudan peruntukan seksyen 24 yang dibaca bersama-sama peruntukan seksyen 6, pihak pembelaan tidak boleh mencabar kebolehterimaan keterangan tersebut atas alasan telah diperoleh secara tidak sah atau secara salah.

KESIMPULAN

Meskipun Akta 747 menerima kritikan hebat daripada pelbagai pihak tetapi mengandungi beberapa unsur positif. Antaranya termasuklah semakan setiap lima tahun sekali oleh parlimen terhadap kuasa polis yang membuat tangkapan dan pemakluman kepada waris kadim tentang tangkapan dan

penahanan. Namun, pada masa yang sama, perbicaraan yang adil semakin kurang dan membimbangkan, meskipun terdapat justifikasi penyusutan hak tersebut. Walau bagaimanapun, kawalan kehakiman perlu diperkukuh untuk menjamin hak tertuduh. Kuasa yang diberikan oleh Akta 747 hendaklah dilaksanakan dengan telus dan bertanggungjawab bagi mencegah kegiatan keganasan daripada menular.

RUJUKAN

Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (Akta 747).

Mohamad Ezam bin Mohd. Noor *lwn* Ketua Polis Negara & Other Appeals [2002] 4 *MLJ* 449.

Public Prosecutor *lwn* Hassan bin Hj. Ali Basri (2014) 7 *MLJ* 153.

Public Prosecutor *lwn* Wong Yee Sen & Ors (1990) 1 *MLJ* 187.

Public Prosecutor *lwn* Yazid bin Sufaat & Ors [2015] 1 *MLJ* 571.

SUHAKAM, 2003a. *Review on the Internal Security Act 1960*. Kuala Lumpur: Human Rights Commission of Malaysia.

SUHAKAM, 2003b. *Report on the Inquiry into the Condition of Detention Under the ISA 1960*. Kuala Lumpur: Human Rights Commission of Malaysia.

United Nation Security Council Resolution 2178, 2014.

Wood, S., "The Operation of the Security Offences (Special Measures) Act 2012 and Comparison with the Oled Internal Security Act 1948. Heralding a New Democratic Era, or Old Wine in a New Bottle?" dlm. *International Journal of Technical Research and Applications (Special Issue 10)*, 78–83, 2014.